# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## JUMAAT 10 JANUARI 2020

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br><br>3.<br>4.<br><br>5.<br><br>6.<br><br>7.<br><br>8.<br>9. | MOA SEDIA LATIHAN INDUSTRI, WILAYAH, BH -43<br>MOA TUBUH PASUKAN PETUGAS URUS KRISIS BENCANA PERTANIAN, NEWS, ASTRO AWANI -10<br>POTENSI TERNAKAN IKAN SUSU, NASIONAL, SH -18<br>TERNAKAN IKAN SUSU BERPOTENSI JADI SUMBER PENDAPATAN - SALAHUDDIN, MALAYSIA KINI -ONLINE<br>TERNAKAN IKAN SUSU BERPOTENSI JASI SUMBER PENDAPATAN: SALAHUDDIN, NEWS, UTUSAN BORNEO ONLINE -10<br>TASK FORCE TO BE SET UP TO MANAGE IMPACT OF DISASTERS ON AGRICULTURE, SAYS MINISTER, NEWS, HEAD TOPICS -10<br>AGRICULTURE MINISTER TO ESTABLISH SPECIAL COMMITEE TO HANDLE DISASTERS FACED BY RICE FARMERS, NATION, KWONG WAH YIT POH -A15<br>MILK FISH DISTRIBUTED NATIONWIDE, NATION, SIN CHEW DAILY -21<br>SHOTAGE OF CEREAL FERTILISER QUOTA SUPPLY, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A4 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA) |
| 10. | PENIAGA DIDENDA PINDAH TERNAKAN TANPA KEBENARAN, SINAR NEGERI PERAK/PAHANG, SH -31 | JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV) |
| 11.<br><br>12.<br>13. | MAQIS RAMPAS 360 PAYUNG BULUH TIADA PERMIT IMPORT DI LANGKAWI, ASTRO AWANI -ONLINE<br>MAQIS RAMPAS PRODUK KRAFTANGAN, SINAR NEGERI KEDAH, SH -34<br>63 KES SELUDUP DIGAGALKAN, SINAR NEGERI KEDAH, SH -34 | JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS) |
| 14. | AGRICULTURE MINISTER: PLANNING CLOUD SEEDING BUT CONDITION UNSUITABLE, NATION, SIN CHEW DAILY -24 | LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA) |
| 15.<br>16.<br>17. | ANAK PELADANG TERIMA PENGHARGAAN, NASIONAL, SH -19<br>ATASI SEGERA ISU AGIHAN BENIH PADI, SINAR NEGERI TERENGGANU, SH -37<br>GOVT HOPES TO COOPERATE WITH FARMERS AND ENTREPRENEURS, NEWS, ORIENTAL DAILY NEWS -A13 | LAIN-LAIN |

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/1/2020 | BERITA HARIAN | WILAYAH | 43 |

# MOA sedia latihan industri

## Program beri peluang siswazah anak peladang

Oleh Mahani Ishak
mahani@bh.com.my

**Petaling Jaya:** Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) bercadang mewujudkan peluang kepada anak peladang menjalani latihan praktikal mereka di kementerian atau jabatan bersesuaian.

Latihan industri bagi pengajian ijazah itu relevan dengan keperluan semasa siswazah yang kebanyakannya terdiri daripada anak peladang, memperoleh keputusan cemerlang Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) 3.5 dan ke atas.

Ketua Setiausahanya, Datuk Zainal Azman Abu Seman, berkata cadangan itu akan dibincangkan lebih lanjut berikutan ratusan ribu graduan mengikuti pengajian ijazah termasuk anak peladang yang mempunyai pencapaian cemerlang.

"Penempatan program praktikal di kementerian atau jabatan berkaitan ini akan membentuk minat kepada anak peladang mengenai peluang kerjaya, mengikut bidang pengkhususan tertentu, sekali gus membantu mereka memperoleh pekerjaan.

"Justeru, kita akan memperincikan tempoh latihan sama ada tiga atau enam bulan dengan pihak berkenaan, di samping berharap program ini akan memberi pendedahan dan pengalaman luas mengenai program yang ada seperti Program Industri Asas Tani (IAT), Agropreneur dan Usahawan Muda," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Majlis Anugerah Perdana Yayasan Pelajaran Peladang (YPP) anjuran Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS), meraikan 19 anak peladang yang memperoleh keputusan cemerlang bagi pengajian ijazah pertama di Bangunan NAFAS, Kota Damansara di sini, semalam.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | MOA tubuh pasukan petugas urus krisis bencana pertanian | | |
| MediaTitle | Astro Awani (www.astroawani.com) | | |
| Date | 10 Jan 2020 | Color | Full Color |
| Section | NEWS | Circulation | 4 |
| Order Rank | 10 | Readership | 4 |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 6,400 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 19,200 |

# MOA tubuh pasukan petugas urus krisis bencana pertanian

JITRA : Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) akan menubuhkan sebuah pasukan petugas yang bertanggungjawab melaksanakan pengurusan krisis dan bencana berkaitan pertanian di seluruh negara. Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata langk...

*To read the rest of the article, click **View Full Article***

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/1/2020 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 18 |

# Potensi ternakan ikan susu



Salahuddin (dua dari kanan) menunjukkan hasil ikan susu yang diambil dari kolam pada Majlis Pelancaran dan Promosi Ikan Susu Malaysia di Ladang Ternakan Usaha Fadzilat di Kuala Muda semalam.

**SUNGAI PETANI -** Industri ternakan ikan susu mempunyai potensi besar untuk dijadikan sumber pendapatan dan mewujudkan peluang pekerjaan terutama kepada masyarakat luar bandar.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, perusahaan spesies ikan berkenaan atau nama saintifiknya *chanos chanos* juga sesuai dijalankan secara penternakan kontrak yang turut berupaya menyediakan peluang pelaburan dan perniagaan.

"Kerajaan melalui MOA (Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani) akan sentiasa beri segala kemudahan khidmat nasihat dengan kepakaran kita daripada Jabatan Perikanan," katanya pada sidang media selepas melancarkan promosi ikan tersebut di Syarikat Usaha Fadzilat (M) Sdn Bhd di sini semalam.

Syarikat berkenaan ialah syarikat pertama di Semenanjung yang berjaya menternak ikan susu di kawasan seluas kira-kira 80 hektar di Batu Lintang dekat sini sejak 2017.

Salahuddin berkata, kementerian amat menggalakkan pengusaha terutama golongan muda mengambil peluang menceburi perusahaan ikan berkenaan yang bukan sahaja mudah dari segi cara penjagaannya dan tidak memerlukan kos yang tinggi, malah juga mempunyai permintaan amat baik dalam pasaran.

"Syarikat Usaha Fadzilat ini boleh jadi sebagai peneraju untuk perusahaan ikan susu dan saya mengharapkan pihak syarikat juga tidak keberatan untuk membimbing sekiranya ada pengusaha lain yang berminat," katanya. - *Bernama*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 10/1/2020 | MALAYSIA KINI | ONLINE | |

# Ternakan ikan susu berpotensi jadi sumber pendapatan – Salahuddin



Industri ternakan ikan susu mempunyai potensi besar dijadikan sumber pendapatan dan mewujudkan peluang pekerjaan terutamanya kepada masyarakat luar bandar, kata Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Seri Salahuddin Ayub.

Beliau berkata perusahaan spesies ikan itu atau nama saintifiknya 'Chanos chanos' juga sesuai dijalankan secara penternakan kontrak yang turut berupaya menyediakan peluang pelaburan dan perniagaan.

"Kerajaan melalui MOA (Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani) akan sentiasa beri segala kemudahan khidmat nasihat dengan kepakaran kita daripada Jabatan Perikanan," katanya pada sidang media selepas melancarkan promosi ikan itu di Syarikat Usaha Fadzilat (M) Sdn Bhd dekat Sungai Petani hari ini.

Syarikat itu merupakan syarikat pertama di Semenanjung yang berjaya menternak ikan susu di kawasan seluas 200 ekar (kira-kira 80 hektar) di Batu Lintang Sungai Petani sejak 2017.

Syarikat itu memiliki pensijilan MyGAP dan Sijil Kualiti Ikan (FQC) dikeluarkan Jabatan Perikanan dan kini telah menghasilkan hampir 1,000 tan metrik ikan bernilai RM7.5 juta secara kumulatif sejak mula ia mengusahakan ternakan ikan berkenaan.



Salahuddin berkata kementerian amat menggalakkan pengusaha terutama golongan muda mengambil peluang menceburi perusahaan ikan berkenaan yang bukan sahaja mudah cara penjagaannya dan tidak memerlukan kos yang tinggi malah juga mempunyai permintaan amat baik dalam pasaran.

"Syarikat Usaha Fadzilat ini boleh jadi sebagai peneraju untuk perusahaan ikan susu dan saya mengharapkan pihak syarikat juga tidak keberatan untuk membimbing sekiranya ada pengusaha lain yang berminat untuk menceburi bidang (mengusahakan ikan susu ini)," katanya.

Beliau berkata selain rasanya yang lemak dan lembut, ikan susu juga kaya dengan protein dan Omega-3.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Ternakan ikan susu berpotensi jadi sumber pendapatan: Salahuddin | | |
| MediaTitle | Utusan Borneo Online (http://www.utusanborneo.com.my/) | | |
| Date | 10 Jan 2020 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 4 |
| Order Rank | 10 | Readership | 1 |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 4,000 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 12,000 |

# Ternakan ikan susu berpotensi jadi sumber pendapatan: Salahuddin

PELANCARAN DAN PROMOSI IKAN SUSU: Datuk Seri Salahuddin Ayub (tiga kanan) menunjukkan hasil ikan susu yang baru diambil dari kolam pada Majlis Pelancaran dan Promosi Ikan Susu Malaysia di Ladang Ternakan Usaha Fadzilat, Kempt. 13, Batu Lintang, Kuala Muda...

*To read the rest of the article, click **View Full Article***

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Task force to be set up to manage impact of disasters on agriculture, says minister \| Malay | | |
| MediaTitle | Head Topics (headtopics.com/my) | | |
| Date | 10 Jan 2020 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 3 |
| Order Rank | 10 | Readership | 1 |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 3,000 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 9,000 |

# Task force to be set up to manage impact of disasters on agriculture, says minister |

Task force to be set up to manage impact of disasters on agriculture, says minister
Task force to be set up to manage impact of disasters on agriculture, says ministerJITRA, Jan 9 — The Ministry of Agriculture and Agro-based Industry (MOA) will set up a ...

*To read the rest of the article, click **View Full Article***

| Headline | Agriculture Minister to establish special committee to handle disasters faced by rice farmers | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Kwong Wah Yit Poh | | |
| Date | 10 Jan 2020 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 59,667 |
| Page No | A15 | Readership | 179,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 184 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,063 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 6,189 |



# 农长：将成立特委会
# 更有效处理稻农灾害问题

（亚罗士打9日讯）农业及农基工业部长拿督沙拉胡丁指出，由该部秘书长为首的特别委员会将会成立，以便更有效处理全国稻农所面对灾害。

他说，不仅如此该特别委员会也会更注重预早做好防范工作以应对灾害，并与能源、科学、科技、气候变化及环境部合作，以探测气候变化。

他说，政府正探讨有关慕达农业区外稻田的课题，因此他提议执行慕达扩张方案，即该稻田区需要扩大，但这必须与好几个部门进行商讨包括水利灌溉局，当面对旱灾时，是有必要打开水闸门来应对。

"原则上这个方案是可同意，在细节方面必须与慕达农业发展局主席进行商讨有关技术上事项"

他是于周四下午在吉北高岭出席颁发利奇马风灾援助金给予慕达农业区稻农后，在记者会上如此表示。

此外，沙拉胡丁说，为了解决稻农迟迟无法收到稻种和肥料的问题，一个独立团体将会成立以处理有关的事项。

他也提及，为了减轻受利奇马风灾影响慕达农业区稻农的负担，政府拨出逾340万令吉援助金以协助该区受灾的2152名稻农。

出席者包括吉打州务大臣兼慕达农业发展局主席拿督斯里慕克里、吉打州行政议员拿督依斯迈沙烈、吉打州行政议员哈丽曼顿、慕达农业发展局总经理法兹等。




前排坐者左起为哈丽曼顿、沙拉胡丁、慕克里、沙烈胡丁、法兹与获风灾援助金稻农合影。

| Headline | Milk Fish distributed nationwide | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Sin Chew Daily | | |
| Date | 10 Jan 2020 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 288,920 |
| Page No | 21 | Readership | 866,760 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 601 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 18,212 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 54,636 |





林潮发（左起）、林咏坚、沙拉胡丁和阿兹曼展示奶宝鱼。



准备收成的奶宝鱼非常壮硕

## 林咏堅：每年養殖產量3000公噸

# 奶寶魚分銷全馬各地

（双溪大年9日讯）海发水产养殖有限公司董事经理林咏坚说，该公司在5年内研究和养殖奶宝鱼，并介绍给全民，让人民可吃到高营养价值的鱼种。

他今日在当都林当日出席该公司的"推介奶宝鱼"仪式上说，目前公司每年养殖产量达3000公吨，主要分销全马各地。

他说，根据渔业专家在大学研究报告资讯显示，奶宝鱼的营养价值高，低热量、低脂肪，低胆固醇，更含有丰富的Omega 3（不饱和脂肪酸）。

他说，奶宝鱼适用在马来餐式和中西餐式烹饪。

"值得一提的是，公司也在研发起骨奶宝鱼，这是以人工手法起骨后直接烹饪，适合小孩与老人享用。"



林潮发（左）与沙拉伍展示您们两间公司合作养殖的奶宝鱼。

## 沙拉胡丁：林潮發大方分享技術

农业与农基工业部长拿督斯里沙拉胡丁说，在农业领域取得成功和丰收的华裔企业家，不但没有吝啬分享技术，还与其他种族人民共享欢乐与财富。

他说，林潮发已经准备与国内有兴趣养殖"奶宝鱼"者分享技术。

他说，在农业领域，种族主义的问题不存在，不会以华人、马来人和印度人区分。

"哪一个种族成为企业家后，都会是人民的本分，贡献给国家发展经济。"

他也说，海发水产养殖有限公司和Setia Fadzilah (M) Sdn Bhd是大马最大的奶宝鱼养殖业者。

此外，也是新民独中名誉董事长的林潮发，在奖励奶宝鱼的典礼后，合计捐出3万令吉作为该校的教育基金。

出席者有大马渔业局总监拿督林聚纪、大马渔业发展局副总监拿督莫哈末、吉州农业事务主席阿兹曼、吉州副秘书长拿督斯里诺利占、独立海滨渔村商罗淑贤、西期区州议员林佳亿、世界潮籍联谊总会总会长拿督李明伟、副总会长郭瑞忠、马来西亚海水养殖公司拿督吴清良、吉打中华总商会会长拿督陈英强、吉打州华人大会堂会长拿督陈水福。



沙拉胡丁（中）颁发myGap证书给林咏坚。左起阿兹曼、莫尼、右为林潮发。

### CQN研發首款奶寶魚飼料

Cargill Aqua Nutrition（CQN）公司与吉打海发水产养殖有限公司，把在我国养殖的奶宝鱼推入市场。

大马及印尼CQN公司董事经理沙拉伍博士（Dr Sarawut Chittratanawat）说，在获得海发水产养殖有限公司持续性的反馈和沟通下，CQN研发了首款供奶宝鱼食用的饲料，从而提高产量和增加利润。

他说，此种特定饲料除了包含高能量和均衡优质的营养外，它所含有的特定维生素和矿物质，也确保在大规模养殖下的奶宝鱼健康生长。

他说，CQN在马来西亚已有30多年的历史，不曾间断为客户提供石斑鱼、pompano鱼、鲈鱼、罗非鱼、巴丁鱼及奶宝鱼等各种优质的水产饲料和饲料添加剂及动物营养的专业知识。

详情可登录：https://www.cargill.com.my/en/fish-feed

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Shortage of cereal fertiliser quota supply | | |
| MediaTitle | Nanyang Siang Pau | | |
| Date | 10 Jan 2020 | Color | Full Color |
| Section | National | Circulation | 27,667 |
| Page No | A4 | Readership | 83,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 550 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 6,918 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 20,755 |



# 谷种肥料配额供应短缺

## 农长：设独立机构监管

（亚罗士打9日讯）农业及农基工业部长拿督斯里沙拉胡丁说，政府今年内将设立一个独立机构，监管谷种及肥料供应问题，以免供应延误影响稻田耕作程序。

他说，目前，谷种供应交由供应商通过招标方式在各区域，为稻农提供一年两季稻所需的谷种播种，惟却出现一些迟缓供应的现象。

沙拉胡丁说，这是因为一些谷种供应商按出全年谷种供应计划表后，竟在半年内售完，以致谷种出现供不应求。

因此，他认为政府有必要设独立机制专门负责监管此事，确保事件不重演。

"该机构将可协助解决有关问题，使供应服务更具效率。"

农长今午在吉北高峰区出席农民协会移交天灾援助金予受灾稻农的仪式后，向媒体这么说。目前，吉北不同区域逾2000名稻农接获谷种延迟供应，导致无法依照农业局所制定的时间表作业，所种1400公顷稻田在水源不足下，谷产失收蒙损约450万令吉。

针对BLB稻热病侵袭雪州稻禾，沙拉胡丁促请农民加强防范措施，政府方面将根据情况给予援助。

提及稻田面对干旱影响，他表示，其部门备有拨款，倘若干旱情况持续，为了解决缺水课题，农业部将与气象局讨论展开人造雨。不过，他认为，人造雨需取决于大气层及云层状况是否适合。

他说，农业部已采未雨绸缪措施，现阶段仍期盼天降雨，纾缓干旱情况。



沙拉胡丁（右二）展示从一养殖场取获的虱目鱼。

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 10/1/2020 | SINAR HARIAN | SINAR NEGERI PERAK / PAHANG | 31 |

# Peniaga didenda pindah ternakan tanpa kebenaran

**KUANTAN** - Seorang peniaga didenda RM2,000 selepas mengaku bersalah di Mahkamah Majistret di sini semalam atas tuduhan memindahkan haiwan ternakan tanpa kebenaran pada Oktober tahun lepas.

Majistret Nor Izzati Zakaria turut memerintahkan Muhamadhasan Rahman, 28, selaku Orang Kena Saman (OKS) menjalani hukuman penjara dua bulan jika gagal menjelaskan denda.

OKS yang beralamat di Songsang, Temerloh dekat sini, didakwa memindahkan tujuh ekor lembu dan dua kerbau dengan menggunakan lori tanpa Perakuan Kebenaran Pindah dan Perakuan Kesihatan Veterinar pada jam 6 petang, 6 Oktober 2019 berhampiran lampu isyarat Kampung Kempadang di sini.

Bagi kesalahan itu, OKS didakwa mengikut perenggan 2(a)(iii) dan (iv) Perintah Kawasan Kawalan Penyakit Kuku dan Mulut Negeri Pahang 2004 yang diwartakan di bawah subseksyen 36(2) Akta Binatang 1953 (Semakan 2006) yang boleh dihukum di bawah subseksyen 36(7) Akta Binatang (Pindaan) 2013 yang memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM15,000, jika sabit kesalahan.

Pada prosiding itu, OKS yang tidak diwakili peguam merayu dikenakan hukuman denda paling ringan kerana menanggung anak masih kecil dan bapa yang sakit.

Pegawai Pendakwa daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pahang Mohd Tarmizi Othman bagaimanapun memohon mahkamah menjatuhkan hukuman setimpal sebagai pengajaran kepada OKS dan orang awam supaya mematuhi peraturan pemindahan haiwan ternakan.

"Peraturan ini perlu dipatuhi kerana terdapat risiko penyebaran penyakit kuku dan mulut jika tidak dipatuhi dan dalam kes ini, fakta kes menunjukkan seekor lembu dan kerbau yang dibawa OKS positif penyakit kuku dan mulut selepas ujian darah dilakukan terhadap ternakan itu," katanya.

OKS itu bagaimanapun menjelaskan denda itu. - *Bernama*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/1/2020 | ASTRO AWANI | ONLINE | |

# MAQIS rampas 360 payung buluh tiada permit import di Langkawi



Rampasan seberat 228 kilogram dengan sebanyak 360 unit produk tersebut dianggarkan bernilai RM9,600.00. - Foto MAQIS

**LANGKAWI**: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) merampas 360 unit payung yang diperbuat daripada buluh bernilai RM9,600 di Kompleks Kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi, Ahad lalu.

Pengarah MAQIS Kedah Lily Rosalind Paul Pakianathan berkata produk berasaskan keluaran pertanian itu dirampas selepas didapati tidak mempunyai permit import yang sah.

"Hasil pemeriksaan di kompleks kargo tersebut, MAQIS telah menahan 12 kotak yang setiap satunya mengandungi 30 unit payung yang diperbuat daripada buluh, yang tidak mempunyai permit import yang sah daripada Jabatan MAQIS dan Sijil Fitosanitari daripada negara asal.

"Rampasan seberat 228 kilogram tersebut dianggarkan bernilai RM9,600.00," katanya dalam satu kenyataan hari ini.



MAQIS telah menahan 12 kotak yang setiap satunya mengandungi 30 unit payung yang diperbuat daripada buluh. Foto MAQIS

Lily Rosalind berkata, kesemua buluh yang dirampas akan disiasat di bawah Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) atas kesalahan tidak mempunyai dokumen permit import.

Sekiranya sabit kesalahan, pesalah boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara tidak melebihi enam tahun, atau kedua-duanya, di bawah Seksyen 11(3) akta yang sama.

Pihak MAQIS sentiasa peka dan bersedia melaksanakan tanggungjawab memantau dan melakukan pemeriksaan ke atas kemasukan keluaran pertanian di setiap pintu masuk negara bagi memastikan keluaran pertanian yang masuk mematuhi syarat dan peraturan yang telah ditetapkan.



Kesemua payung buluh yang disita itu akan disiasat mengikut Akta Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia 2011 atas kesalahan tidak mempunyai dokumen permit import. - Foto MAQIS

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/1/2020 | SINAR HARIAN | SINAR NEGERI KEDAH | 34 |

## Maqis rampas produk kraftangan

**LANGKAWI** - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) merampas 12 kotak yang mengandungi 360 unit payung diperbuat daripada buluh di Kompleks Kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi Ahad lalu.

Pengarah Maqis Negeri Kedah, Lily Roslind Paul Pakianathan berkata, rampasan seberat 228 kilogram itu dianggarkan bernilai RM9,600.

Katanya, payung kraf yang dirampas itu tidak mempunyai Permit Import yang sah daripada Jabatan Maqis dan Sijil Fitosanitari daripada negara asal.

"Kes akan disiasat bawah Seksyen 11(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728)," katanya.

Tambah Lily, jika disabit kesalahan denda akan dikenakan tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya bawah Seksyen 11(3) akta yang sama.



Kotak yang dipercayai payung yang dirampas Maqis di Langkawi Ahad lalu.






# 63 kes seludup digagalkan

### Libatkan nilai rampasan lebih RM15 juta pada tahun lepas

**ALOR SETAR**

Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (Aksem) Kedah berjaya mematahkan 63 kes penyeludupan pelbagai jenis barangan membabitkan nilai rampasan lebih RM15 juta sepanjang tahun lepas.

Komander Aksem Kedah, Abdul Latif Abdul Rahman berkata, jumlah kes itu menunjukkan penurunan berbanding 196 kes dengan nilai rampasan RM13.9 juta pada 2018.

"Walaupun jumlah kes tahun lepas berkurangan berbanding 2018 tetapi nilai rampasan lebih tinggi kerana rampasan pada tahun lepas melibatkan banyak barangan bercukai.

"Antara barangan bercukai ini adalah rokok, minuman keras, kenderaan klon dan hasil pertanian," katanya ketika ditemui *Bernama* di sini, baru-baru ini.

Manakala faktor penyumbang kepada penurunan kes itu termasuk penguatkuasaan ketat yang dijalankan Aksem di pintu masuk negara di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Bukit Kayu Hitam.

Menurut Abdul Latif, pihaknya menjalankan gerak kerja proaktif termasuk membuat risikan bagi mengesan sebarang cubaan seludup selain mengadakan operasi bersepadu dengan jabatan serta agensi lain yang berkaitan.

"Contohnya, ops bersepadu yang dijalankan bersama Maqis (Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia) Kedah dapat mengekang cubaan seludup barangan pertanian ke negara ini. Kita juga mendidik tentang peraturan sedia ada kepada mereka yang terlibat," katanya.

Beliau berkata, Aksem Kedah akan terus mempertingkat usaha pada tahun ini termasuk memantapkan risikan bagi mengekang lebih banyak cubaan seludup.

"Harapan saya kalau boleh saban tahun saya nak kurangkan aktiviti penyeludupan ini, kalau boleh ia menurun lebih drastik dan biar rakyat Malaysia faham tentang barangan yang banyak diseludup masuk.

"Jika mereka tahu (mengenai sebarang aktiviti penyeludupan) minta tampil berikan maklumat kepada pihak kami. Kami tidak mampu melakukannya tanpa maklumat orang awam," katanya.

Abdul Latif berkata, mulai tahun ini pihaknya membuat sekatan jalan raya secara tetap di satu lagi pintu masuk negara iaitu ICQS Durian Burung dekat Padang Terap.

"Kita akan lihat dalam setengah tahun pertama ini nanti apa kesan kepada pintu masuk Durian Burung," katanya. - *Bernama*



ABDUL LATIF

FOTO: BERNAMA

| Headline | Agriculture Minister: Planning cloud seeding but condition unsuitable | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Sin Chew Daily | | |
| Date | 10 Jan 2020 | Color | Black/white |
| Section | Nation | Circulation | 288,920 |
| Page No | 24 | Readership | 866,760 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 193 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 4,299 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 12,896 |



## 農長：天氣酷熱 影響農業

# 擬人造雨卻無適合雲層

（亚罗士打9日讯）农业及农基工业部长拿督斯里沙拉胡丁说，该部已有准备一笔预算，在时机成熟随时可进行人造雨，以缓解炎热天气对农业的影响。

他说，该部之前要进行人造雨时，气象局告知空中的云层尚不适合进行"人造雨"，需等待适当时机的出现。

### 有造雨预算 正等待时机

"事实上，慕达农业发展局（MADA）早于去年11月，已规划人造雨工作，不过因天气不适合作罢。"

沙拉胡丁今午偕同吉打州务大臣拿督斯里慕克力，到吉北区高岭颁发政府援助金给去年热带风暴影响的稻农后，发表谈话。出席者尚有慕达农业发展局总经理拿督卑兹阿里、州行政议员哈丽玛顿。

### 吉玻炎热 恐影响稻田播种

他说，该部希望尽快下雨，不过天气难以预测，所以已委派官员跟进吉玻区天气炎热问题，特别关注是否会影响稻田播种及其他农业运作情况。

此外，沙拉胡丁指出，他已指示该部秘书长成立并领导一个工作小组（Task Force），专责处理农渔业遭遇天灾的问题，和稻农、农民及渔民所面对的各种挑战。

他说，有关小组不仅是进行灾后的援助工作，也包括灾难前的预警，以及相关的准备工作。

慕克力感谢农业部发放援助金给受影响的2152名稻农，援助总额多达336万3291令吉90仙。




沙拉胡丁（中）在慕克力（右二）陪同下移交模拟支票给瓜拉姆社区农民组织代表莫哈末苏克里。右一为卑兹阿里，左一为哈丽玛顿。

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/1/2020 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 19 |

# Anak peladang terima penghargaan

Seramai 19 penerima diraikan pada majlis Anugerah Perdana YPP bagi tahun 2019

Oleh HASNIZA HUSSAIN

PETALING JAYA

Seramai 19 anak peladang seluruh negara diberi penghargaan selepas memperoleh keputusan cemerlang bagi pengajian ijazah pertama dari institusi pengajian tinggi awam (IPTA) tempatan.

Semua penerima dipilih berdasarkan pencapaian Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) 3.50 ke atas. Mereka diraikan pada majlis Anugerah Perdana Yayasan Pelajaran Peladang (YPP) bagi tahun 2019 yang diadakan di Ibu Pejabat Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) di sini semalam.

Tiga penerima utama ialah Muhammad Faez Mohd Kamaruzzaman, 26, yang memperoleh wang tunai sebanyak RM5,000, Wan Nuraini Wan Rosdi, 25, (RM4,000) dan Nur Hidayah Yusoff, 27, (RM3,000).

Muhammad Faez yang berasal dari Hulu Selangor adalah penerima Anugerah Naib Canselor dalam pengajian Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Kejuruteraan Kimia dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) yang memperoleh CGPA 3.96, manakala Wan Nuraini adalah graduan Ijazah Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa (Kepujian) dari Universiti Sains Islam Malaysia dengan CGPA 3.89.

FOTO: SHARIFUDIN ABDUL RAHIM




Zainal Azman (tengah) dan Phahrolrazi (dua dari kiri) bersama penerima utama Anugerah Perdana YPP bagi tahun 2019 iaitu Muhammad Faez (dua dari kanan), Nur Hidayah (kanan) dan Wan Nuraini di Petaling Jaya semalam.

## Bantu keluarga

Nur Hidayah yang berasal dari Kuala Kangsar, Perak pula mendapat CGPA 3.87 bagi Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling) dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Seramai 16 anak peladang lain turut menerima sumbangan sagu hati sebanyak RM1,000 setiap seorang.

Muhammad Faez berkata, beliau sangat terkejut dipilih sebagai tiga penerima utama.

"Saya bersyukur dan gembira dengan rezeki yang tidak dijangka ini dan akan memanfaatkan wang yang diterima sebaiknya untuk membantu keluarga," katanya kepada *Sinar Harian* di sini semalam.

Ketika ditanya resipi kejayaannya yang sentiasa konsisten memperoleh keputusan dan CGPA cemerlang, Muhammad Faez berkata, ia banyak didorong oleh minat mendalam terhadap bidang kejuruteraan kimia yang dipelajarinya.

Menurutnya, ia bukan bidang yang mudah tetapi dia sentiasa bersikap rajin sepanjang pengajiannya agar terus dapat memupuk minat dan berjaya.

"Selain dua perkara itu, saya juga sentiasa letakkan sasaran bahawa bukan saya sahaja mesti berjaya tetapi saya perlu bantu kawan-kawan untuk sama-sama berjaya.

"Saya percaya bila buat begitu akan dapat keberkatan dan hasilnya kejayaan itu bukan untuk diri sendiri tetapi dikongsi bersama kawan-kawan dan keluarga," katanya yang kini bekerja sebagai jurutera di Felda Global Venture (FGV) Sdn Bhd.

## Motivasi

Muhammad Faez berharap, ilmu yang diperoleh dapat dimanfaatkan untuk memberi sumbangan semula kepada keluarga.

"Saya anak peladang dan saya berharap dapat bantu keluarga dalam menghasilkan teknologi yang boleh memudahkan kerja-kerja perladangan. Insya-ALLAH memang ada perancangan ke arah itu," katanya.

Sementara itu, Wan Nuraini yang juga finalis Da'i Pendakwah Nusantara musim ke-4 menyifatkan penghargaan yang diterima bukan sahaja hasil usaha keras dirinya tetapi juga berkat doa serta usaha orang sekeliling terutama ibu bapanya.

"Saya boleh berjaya kerana ada motivasi daripada ibu dan ayah, malah dengan sokongan mereka kini saya dapat meneruskan lagi pengajian dalam bidang Sarjana Perundangan Syariah.

"Hadiah wang tunai yang saya terima akan saya gunakan untuk membiayai pengajian saya dan insya-ALLAH saya harap dapat teruskan ke peringkat doktor falsafah (PhD) pada masa akan datang dan seterusnya menjadi pensyarah," katanya.

Seorang lagi penerima, Nur Hidayah mendedikasikan penghargaan yang diterima kepada ayahnya yang merupakan ahli Peladang.

"Ayah sangat membantu dan beri sokongan padu untuk saya berjaya. Terima kasih juga kepada pihak yayasan kerana memilih saya sebagai penerima utama walaupun saya daripada bidang pendidikan.

"Saya masih menunggu untuk penempatan tugas, namun tidak menolak peluang jika mendapat tawaran atau latihan industri daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani atau agensi-agensi seperti Nafas," katanya.

Hadir sama pada majlis tersebut ialah Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Zainal Azman Abu Seman; Timbalannya, Datuk Hasliza Abdul Hamid; Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah Nafas yang juga Pengerusi Yayasan Pelajaran Peladang, Datuk Phahrolrazi Mohd Zawawi dan Pengurus Besar Nafas, Ahmad Shaari.



Penerima anugerah yang diraikan pada majlis Anugerah Perdana YPP bagi tahun 2019 di Ibu Pejabat Pertubuhan Peladang Kebangsaan di Petaling Jaya semalam.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/1/2020 | SINAR HARIAN | SINAR NEGERI TERENGGANU | 37 |

# Atasi segera isu agihan benih padi

**Kelewatan agihan boleh jejaskan hasil pengeluaran beras**

Oleh RAHAYU MUSTAFA

**KUALA TERENGGANU**

Kerajaan diminta menangani masalah agihan benih padi dengan segera serta memastikan bantuan disalurkan sampai kepada pesawah tepat pada masanya.

Ahli Parlimen Setiu, Shaharizukirnain Abdul Kadir berkata, kelewatan pengagihan benih padi akan memberi impak bukan sahaja kepada pesawah malah turut menjejaskan hasil pengeluaran beras.

"Saya terkilan dengan isu pesawah yang kerugian RM4.5 juta disebabkan oleh kelewatan pengagihan benih padi sedangkan mereka amat bergantung kepada subsidi benih padi yang diberikan oleh kerajaan.

"Isu ini telah saya suarakan di Dewan Rakyat dan hari ini ia benar-benar berlaku.

"Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani seharusnya bertanggungjawab terhadap isu kelewatan pengagihan benih dengan segera memberi pampasan kepada pesawah bagi menampung kerugian yang dialami," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Menurut Shaharizukirnain, pesawah bukan sahaja menghadapi masalah kekurangan bekalan malah bekalan diterima kurang berkualiti turut membawa implikasi negatif kepada hasil beras tempatan.



SHAHARIZUKIRNAIN

Katanya, beliau bimbang keadaan itu memberi kesan kepada sasaran kerajaan bagi meningkatkan jumlah pengeluaran beras untuk tahap sara diri (SSL).

"Berdasarkan jawapan lisan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani pada sidang Dewan Negara baru-baru ini, SSL beras masih pada tahap 70 peratus dan ia agak mustahil untuk mencapai sasaran kerajaan iaitu 75 peratus pada tahun ini jika isu pengagihan serta penambahbaikan kualiti benih padi tidak diselesaikan.

"Pengeluaran padi sepatutnya mencapai 70 peratus hasil beras tempatan dan 30 peratus sahaja adalah beras import namun kualiti beras tempatan yang semakin berkurang mendorong kepada permintaan beras import lebih tinggi.

"Oleh itu kerajaan perlu membendung masalah agihan benih padi dan segera mencari inisiatif baharu bagi meningkatkan kualiti benih padi sekali gus dapat membantu para pesawah meningkatkan hasil pendapatan," katanya.

Media sebelum ini melaporkan kira-kira 2,000 petani di Pendang Selatan mengalami kerugian kira-kira RM4.5 juta apabila padi yang diusahakan mereka di 1,400 hektar sawah padi gagal mendapat bekalan air mencukupi.

Kerugian didakwa berpunca daripada benih padi yang tiba lewat hampir sebulan selain musim kemarau yang bermula awal pada hujung Disember lalu.

Hanya kira-kira 300 hektar dapat diselamatkan kerana petani tersebut bermula awal dengan membeli sendiri bekalan padi daripada pembekal luar.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Govt hopes to cooperate with farmers and entrepreneurs | | |
| MediaTitle | Oriental Daily News | | |
| Date | 10 Jan 2020 | Color | Black/white |
| Section | News | Circulation | 85,616 |
| Page No | A13 | Readership | 256,848 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 222 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,596 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 7,787 |



# 政府冀与农民企业家合作

**双溪大年9日讯**｜农业部长拿督斯里沙拉胡丁阿育指出，政府期望与成功的农民企业家建立稍明合作关系，协助各种族在农业领域取得发展与成就，藉此共享富裕，也拉近国人的贫富落差。

他说，任何种族国民若投入农业领域发展，该部将提供各方面的协助，包括向州政府申请土地、提供农业新科技术及专业人士，让他们在这个领域取得成就，成为农民企业家。

沙拉胡丁今日是在双溪大年吉都令当为海发水产养殖有限公司出产的奶宝鱼（Milk Fish）主持推介礼。

他赞扬海发水产养殖作为国内最大的奶宝鱼养殖产，不只是该行业领导者，也创造周边工业，提供工作机会给当地青年。

他说，如果有需求，海发养殖水产也将提供技术层面协助，帮助那些准备进军水产养殖的青年创业，让他们取得成功，这就是共享富裕的概念。

他直言，水产养殖在我国潜能大，不只可提供本地市场需求，如果产品好，可通过政府的协助进军国外，如榴梿已卖到中国的庞大市场。

他说，过往农业领域业者在前往部门申请协助面对诸多限制，但如今该部门已尽量减少繁文缛节，以让业者和政府更快达到共识，投入农业领域。

海发水产养殖董事经理林咏坚指出，该公司养殖业年均产量为3000公吨，大部分畅销全马各地。他说，该公司也获得国家渔业部颁发MYGAP证书以及饲料拥有FOC证书。

出席者尚有掌管吉打农业及农基事务行政议员阿兹曼、海发水产养殖董事主席林潮发、西塘州议员林桂亿、吉打华人大会堂主席拿督锺来福、吉打中华工商联合会主席陈英强、世界德教联谊会主席李思仁等。

Powered by: isentia